

17 OCT 1996

Anwar-Umno

TIADA TINDAKAN LANJUT TERHADAP LAPAN ANGGOTA UMNO

PETALING JAYA, 17 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata lapan anggota Umno yang dilarang bertanding pada pemilihan parti itu pada 9 dan 10 Okt lepas tidak akan dikenakan tindakan lanjut.

Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata kedudukan tujuh daripada mereka yang mempunyai jawatan dalam kerajaan dan parti juga tidak terjejas.

"(Ketika keputusan pengguguran dibuat) kita hanya merujuk kepada kelayakan mereka bertanding setelah Presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) mendapat maklumat dari sumber yang boleh dipercayai. Tetapi ia tidak boleh ditafsirkan sebagai satu kesalahan yang boleh menjejaskan kedudukan mereka dalam kerajaan ataupun dalam parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kemudahan baru kilang Western Digital di sini hari ini.

Pada 7 Okt lepas, Anwar, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, mengumumkan nama enam anggota parti itu yang hilang kelayakan bertanding jawatan Majlis Tertinggi (MT) dan dua bagi jawatan Exco Pergerakan Pemuda kerana didapati melanggar peraturan parti.

Mereka yang hilang kelayakan bertanding jawatan MT ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Mohd Shariff Omar, empat anggota Exco Kerajaan Negeri -- Datuk Latif Mirasa (Pulau Pinang), Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah (Perak), Datuk Mohd Aini Taib (Selangor) dan Adam Abdul Hamid (Johor) -- serta anggota Parlimen Shah Alam, Datuk Salamon Selamat.

Dua anggota yang dilarang bertanding jawatan Exco Pergerakan Pemuda Umno pula ialah anggota Exco Kerajaan Negeri Johor, Dr Latif Ahmad dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Ampang Jaya (Selangor), Ayub Mat Aris.

Adam juga hilang kelayakan sebagai anggota perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno manakala Dr Latif dan Ayub hilang kelayakan sebagai anggota perwakilan ke Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno.

Selepas perhimpunan agung berakhir pada 12 Okt lepas, soal kedudukan anggota-anggota terbabit di dalam kerajaan dan parti mula dibangkitkan sehinggakan beberapa Kerajaan Negeri menyerahkan kepada kepimpinan pusat untuk membuat keputusan.

Anwar berkata, beliau telah berbincang dengan Dr Mahathir mengenai perkara itu semalam dan Perdana Menteri memintanya membuat penjelasan bahawa kedudukan anggota-anggota yang terbabit itu di dalam kerajaan tidak berbangkit dan tidak terjejas sama-sekali.

"Presiden mengulangi kenyataan bahawa (keputusan pengguguran itu) tidak bermaksud untuk menghalang mereka daripada aktif dalam politik atau kerajaan kerana mereka belum diberi kesempatan untuk mengetahui tuduhan secara spesifik dan jawapan secara spesifik. Jawapan secara umum telahpun mereka kemukakan," katanya.

Anwar berkata, ketika Jawatankuasa Khas Pemilihan Umno yang dipengerusikan Dr Mahathir membuat keputusan menggugurkan anggota-anggota terbabit daripada senarai calon, ia dibuat dalam keadaan yang amat terdesak kerana hanya tinggal dua hari sahaja menjelang perhimpunan agung.

"Kerana keputusan yang kita buat itu keputusan yang segera untuk tidak membolehkan mereka bertanding, kita belum memberikan peluang kepada mereka memberikan penjelasan dan jawapan. Jadi ia tidak merupakan satu tuduhan yang jelas," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata anggota-anggota yang terbabit kini sudah

mengemukakan jawapan masing-masing kepada tuduhan yang dibuat terhadap mereka.

"Saya kira mereka sudahpun diberi peluang dan mereka telah memberikan jawapan tetapi kalau difikirkan ada kes yang lain yang memerlukan penjelasan, keterangan lanjut akan diperolehi daripada mereka," katanya.

Pemilihan Umno yang lepas menyaksikan buat kali pertamanya MT melarang calon-calon yang bertanding daripada berkempen. -- BERNAMA

AH NMO